

Razik

Pimpin kelab elit pelajar UPM

Oleh ROHANA MAN
Gambar HANIFI KHAMIS

J UMLAH pelajar yang terlalu ramai memperoleh ijazah pertama dengan kepujian pada masa kini menjadikan ia seperti tidak mempunyai nilai.

Jikapun ijazah itu masih mempunyai nilai, ia hanyalah merujuk kepada ijazah kelas pertama.

Inilah yang bermain di fikiran pelajar cemerlang Universiti Putra Malaysia (UPM), Razik Hussien Mohamedganny.

Beliau yang merupakan Presiden Pertubuhan *Golden Key National Honour Chapter* UPM berkata, hari ini ijazah seperti tidak mempunyai nilai yang tinggi seperti 10 atau 20 tahun lalu.

"Ini kerana kini terlalu ramai yang mampu memiliki ijazah pertama dengan kepujian sehingga nilainya semakin tidak ada," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau ditemui pada Majlis Pelancaran Buku Panduan Pengurusan Persatuan Mahasiswa UPM di kampus Serdang, baru-baru ini.

Majlis pelancaran itu dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa, Profesor Dr. Abdullah Al Hadi Muhammed.

Razik menjelaskan ekoran itu, beliau berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat

GAYA Kampus

ijazah sarjana apabila tamat pengajian kelak.

Katanya, kini hanya ijazah tinggi sahaja yang memiliki nilai yang boleh dibanggakan.

Berbaloi

Pelajar tahun dua, ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) itu berkata, hasrat itu memberi semangat kepadanya untuk belajar bersungguh-sungguh di kampus.

Kesungguhan itu berbaloi apabila berkat kerja keras dan usaha tanpa jemu, Razik berjaya mengekalkan Purata Gred Nilai Keseluruhan (PNGK) 4.00 selama tiga semester berturut-turut.

Mengulas rahsia kecemerlangan itu, anak sulung daripada dua beradik yang berasal dari Selayang, Selangor itu menjelaskan:

"Kita kena faham 100 peratus topik yang diajar pensyarah di kuliah. Kena faham ketika masih dalam kuliah."

"Kalau tidak faham maka kena bertanya. Jangan keluar dari bilik kuliah dengan tangan kosong iaitu tidak tahu apa yang diajar pensyarah."

Jelasnya, pelajar perlu faham kerana ia le-

bih baik daripada menghafal fakta.

Bagaimanapun, katanya, dalam keadaan tertentu, hafalan perlu tetapi tidaklah melibatkan semua teks yang dibaca.

Selain itu, pelajar berusia 22 tahun itu, berkata, seorang pelajar perlu kerap berjumpa pensyarah supaya pensyarah kenal siapa mereka.

Jelasnya, jika pensyarah sudah kenal maka tidak susah bagi pelajar masuk dan keluar dari bilik pensyarah untuk bertanya sebarang kemusyikan berhubung sesuatu topik ilmu.

"Kalau pensyarah tidak kenal pelajar maka susahlah pensyarah nak beri maklumat," ujarnya yang menyimpan hajat untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana di universiti luar negara.

Mengenai pertubuhan yang dipimpinnya, Razik berkata, ia adalah sebuah organisasi khas untuk pelajar elit di kampus UPM.

Katanya, keahlian pertubuhan itu hanya dibuka kepada 15 peratus pelajar paling cemerlang daripada setiap program pengajian.

"Setiap semester baru bermula, pihak kami akan menghantar surat tawaran keahlian kepada mereka," katanya.

Pertubuhan yang bertaraf antarabangsa itu mengadakan pelbagai aktiviti akademik dan sosial seperti sekolah angkat yang antara lain bertujuan membantu pelajar sekolah mencapai kecemerlangan.



RAZIK HUSSIEN
MOHAMEDGANNY